



**KENYATAAN RASMI MENGENAI BERITA TULAR DALAM KAMPUS
BERKENAAN ISU COVID - 19
12 MAC 2020**

1. Pihak Universiti maklum mengenai penyebaran berita berkaitan kes **POSITIF COVID-19** di kalangan warga kampus yang melibatkan pelajar dan juga pensyarah UKM.
2. Penularan berita yang **TIDAK TEPAT** ini menimbulkan kerisauan dan kebimbangan di kalangan warga kampus.
3. Pihak universiti sedia maklum terdapat 2 warga UKM yang terdiri dari seorang pelajar dan juga seorang pensyarah telah dikenalpasti oleh pihak **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** sebagai individu yang mempunyai kontak rapat dengan kes positif COVID-19. Mereka secara kebetulan adalah merupakan sebahagian dari 40 orang ahli rombongan ke Indonesia yang dianjurkan oleh salah sebuah syarikat pegangan milik Kerajaan Malaysia. Rombongan tersebut terdiri daripada kakitangan syarikat dan ahli keluarga mereka. Mereka telah pun disaring dan diperiksa oleh pihak KKM dan sampel klinikal telahpun diambil bagi tujuan pengesahan di mana keputusan tersebut akan disahkan **oleh pihak KKM dalam masa 48 jam.**
4. Kesemua ahli rombongan yang merupakan kontak rapat kes adalah **SIHAT** dan **TIDAK** mempunyai sebarang simptom dan telah pun dipantau oleh pihak KKM. Mereka dibenarkan pulang dan telahpun diberikan perintah kuarantin di rumah / kediaman sehingga 17 Mac 2020.
5. Universiti juga sedia maklum terdapat beberapa orang warga UKM termasuk pensyarah dan juga pelajar telah hadir ke Majlis Ijtimak Tabligh di Masjid Jamek di Sri Petaling pada 28 Februari hingga 1 Mac 2020. Mereka ini telahpun disaring oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia dan diarahkan untuk menjalani kuarantin di rumah sehingga 17 Mac 2020.



PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5087 Faks: +603-8921 3683 E-mel: drazman@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatkesihatan



PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI • UNIVERSITY HEALTH CENTRE

6. Pihak Universiti ingin menegaskan bahawa kawasan kampus UKM adalah **SELAMAT** dan **BEBAS** dari sebarang **KONTAMINASI** virus **COVID-19**.
7. Pihak Universiti sentiasa mendapatkan maklumat terkini serta khidmat nasihat secara berterusan dari pihak KKM dan sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memastikan keselamatan warga kampus terjamin.
8. Pihak Universiti berharap agar warga kampus TIDAK menularkan sebarang berita tidak sahih mengenai wabak di dalam kampus. Segala pertanyaan dan maklumbalas mengenai COVID-19 boleh diajukan terus melalui Pegawai Perubatan Pusat Kesihatan UKM : Dr Mohd. Azman Abas (016-6654442) dan Dr Masdalina Azhari (019-264 5072).

Sekian, terima kasih.

DR. MOHD AZMAN BIN ABAS

Ketua Pusat Kesihatan Universiti

Universiti Kebangsaan Malaysia

Merangkap Ketua Tindakan Operasi

b/p Jawatankuasa Tindakan Krisis UKM : Kategori Penyakit Berjangkit



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015

CERT. NO. QMS 02549

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: +603-8921 5087 Faks: +603-8921 3683 E-mel: drazman@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatkesihatan



CERTIFIED TO ISO 9001: 2015

CERT. NO. QMS 02549

PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5087 Faks: +603-8921 3683 E-mel: drazman@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pusatkesihatan

